



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 4

16hb Februari 2012

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

N.S. P.U. 1.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keahlian Jawatankuasa
5. Penamatan dan peletakan jawatan

Kaedah

6. Mesyuarat Jawatankuasa
7. Fungsi Jawatankuasa
8. Elaun Ahli Jawatankuasa

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

9. Kelayakan sebagai Peguam Syarie
10. Permohonan
11. Sijil Peguam Syarie
12. Sijil Amalan Guaman Syarie
13. Membaharui Sijil Amalan Guaman Syarie
14. Daftar Peguam Syarie

BAHAGIAN IV

PROSEDUR TATATERTIB

15. Tindakan tatatertib
16. Aduan terhadap Peguam Syarie
17. Siasatan
18. Kuasa Majlis mengeluarkan perintah
19. Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam Syarie
20. Permohonan untuk diterima semula sebagai Peguam Syarie

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

21. Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie
22. Kesalahan
23. Pendakwaan
24. Pembatalan

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 80(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 10 tahun 2003*], Majlis dengan kelulusan Yang di-Pertuan Besar, membuat Kaedah-kaedah seperti yang berikut—

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Peguam Syarie” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebutkan di dalam kaedah 14;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang ditubuhkan di bawah seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie oleh Majlis dan didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

Penubuhan Jawatankuasa

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil “Jawatankuasa Peguam Syarie”.

Keahlian Jawatankuasa

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri dari—

- (a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (c) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;
- (d) Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah;
- (e) Ketua Pendakwa Syarie;
- (f) seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-Peguam Syarie; dan
- (g) seorang yang berkemahiran dalam Hukum Syarak.

(2) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

(3) Ahli Jawatankuasa yang disebutkan di dalam subkaedah (1) ini hendaklah beragama Islam.

(4) Ahli Jawatankuasa yang disebutkan di dalam subkaedah (1)(f) hendaklah seorang Peguam Syarie yang memiliki Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Guaman Syarie yang sah.

(5) Tertakluk kepada kaedah 5, seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah subkaedah (1)(f) dan (g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan dia adalah layak dilantik semula.

Penamatan dan peletakan jawatan

5. (1) Pelantikan seseorang ahli Jawatankuasa di bawah kaedah 4(1)(f) dan (g) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Majlis tanpa memberi sebarang sebab mengenainya.

(2) Ahli Jawatankuasa di bawah kaedah 4(1)(f) dan (g) boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada Majlis melalui Pengerusi Jawatankuasa.

Mesyuarat Jawatankuasa

6. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, ahli yang hadir boleh melantik salah seorang dari mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Pengerusi dan tiga ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

Fungsi Jawatankuasa

7. (1) Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi seperti berikut—
- (a) untuk membuat perakuan kepada Majlis mengenai kelayakan mana-mana orang yang memohon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie;
 - (b) untuk membuat perakuan kepada Majlis sama ada—
 - (i) untuk membatalkan nama mana-mana Peguam Syarie itu daripada Daftar Peguam Syarie; atau
 - (ii) untuk membatalkan atau menggantung Sijil Amalan Guaman Syarie seseorang Peguam Syarie; atau
 - (iii) untuk memberi amaran kepada seseorang Peguam Syarie;
 - (c) untuk menjalankan fungsi lain yang berkaitan dengan fungsi yang disebutkan di dalam perenggan (a) dan (b).

Elaun Ahli Jawatankuasa

8. Ahli Jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun khas mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

Kelayakan sebagai Peguam Syarie

9. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syarie—
- (a) seorang yang beragama Islam;
 - (b) seorang warganegara Malaysia;
 - (c) seorang yang berkelakuan baik disokong melalui perakuan oleh dua orang pengadil;
 - (d) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
 - (e) bukan seorang bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*] atau tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
 - (f) tidak pernah dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas sifatnya sebagai Peguambela dan Peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

- (g) memiliki kelayakan akademik—
- (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) atau yang setaraf dengannya daripada mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
 - (iii) sekiranya dia seorang peguambela dan peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] mestilah memiliki Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- (h) telah lulus ujian bertulis atau temuduga sekiranya difikirkan perlu.

(2) Sebelum pemohon diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah subkaedah (1)(g)(i), pemohon hendaklah menjalani latihan dalam kamar selama enam bulan di mana-mana firma guaman syarie.

(3) Latihan dalam kamar hendaklah diselia oleh seorang Peguam Syarie yang sedang dan telah menjalankan amalan secara aktif di Malaysia bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun sebelum sahaja latihannya bermula.

Permohonan

10. (1) Permohonan untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 1.

(2) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan—

- (a) akuan berhubung kelakuan baik yang disokong oleh dua orang pengadil;
- (b) akuan bersumpah tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
- (c) akuan bersumpah tidak pernah diisytiharkan bankrap atau didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
- (d) jika berkenaan, salinan Sijil Amalan Guaman di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];
- (e) salinan ijazah dan diploma; dan
- (f) akuan telah tamat latihan dalam kamar selama enam bulan.

Sijil Peguam Syarie

11. (1) Tiap-tiap orang yang diterima masuk menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki Sijil Peguam Syarie yang akan ditauliahkan kepadanya oleh Majlis setelah dia menjelaskan fi yang ditetapkan.

(2) Fi bagi setiap Sijil Peguam Syarie ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00).

Sijil Amalan Guaman Syarie

12. (1) Mana-mana Peguam Syarie yang telah diterima masuk hendaklah memiliki Sijil Amalan Guaman Syarie daripada Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah sebelum dia hadir sebagai Peguam Syarie di Mahkamah Syariah.

(2) Sijil Amalan Guaman Syarie hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah sepertimana borang dalam Jadual 3 dengan fi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00).

(3) Tempoh sah bagi setiap Sijil Amalan Guaman Syarie adalah selama dua belas bulan.

Membaharui Sijil Amalan Guaman Syarie

13. (1) Tiap-tiap permohonan untuk membaharui Sijil Amalan Guaman Syarie hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah tidak lewat dari tiga bulan sebelum tamat tempoh sijil itu.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 4.

(3) Fi bagi setiap Sijil Amalan Guaman Syarie yang dibaharui adalah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00).

Daftar Peguam Syarie

14. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyelenggarakan suatu rekod mengenai pendaftaran semua Peguam Syarie dan rekod itu hendaklah dipanggil "Daftar Peguam Syarie".

(2) Daftar Peguam Syarie hendaklah mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) nama;
- (b) nombor kad pengenalan;
- (c) kelulusan;
- (d) nama di bawah mana ia menjalankan amalan atau nama firma;

- (e) alamat surat menyurat;
- (f) tarikh diterima masuk sebagai Peguam Syarie;
- (g) tempoh sah Sijil Amalan Guaman Syarie;
- (h) tarikh pembatalan pendaftaran (jika ada);
- (i) maklumat mengenai apa-apa tindakan tatatertib (jika ada) ke atas Peguam Syarie; dan
- (j) butir-butir lain sebagaimana diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV

PROSEDUR TATATERTIB

Tindakan tatatertib

15. (1) Jawatankuasa boleh, atas sebab-sebab yang tertentu memulakan prosedur tatatertib ke atas mana-mana Peguam Syarie mengikut peruntukan Bahagian ini.

(2) Di antara sebab-sebab bagi memulakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana Peguam Syarie adalah seperti berikut—

- (a) telah berkelakuan bertentangan dengan Hukum Syarak;
- (b) telah membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai menghina agama Islam atau Majlis;
- (c) telah disabitkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) telah dengan sengaja atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah enggan menjalankan kewajipannya terhadap kliennya;
- (e) telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya kepada Mahkamah termasuklah kegagalan untuk mematuhi apa-apa akujanji yang telah diberikan kepada Mahkamah;
- (f) telah menghina Mahkamah;
- (g) tidak jujur atau melakukan frod dalam melaksanakan tugasnya;
- (h) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seorang penarik langganan;
- (i) membenarkan mana-mana orang yang bukan seorang Peguam Syarie mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya atau firmannya;
- (j) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain yang diguna khidmat olehnya apa-apa tred, perniagaan atau kerjaya yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;

- (k) telah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin yang ditubuhkan di bawah seksyen 93(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166];
- (l) telah diisytiharkan sebagai bankrap dan belum dilepaskan; atau
- (m) telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kegagalan itu memerlukan tindakan tatatertib.

Aduan terhadap Peguam Syarie

16. Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa secara bertulis.

Siasatan

17. (1) Setelah menerima sesuatu aduan itu, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah menyebabkan suatu siasatan diadakan.

(2) Tiap-tiap siasatan oleh Jawatankuasa hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan adil dan munasabah menurut budi bicara mutlaknyanya dengan syarat bahawa sebelum ia menentukan bahawa siasatan hendaklah diadakan, ia hendaklah—

- (a) meminta Peguam Syarie yang berkenaan, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari memberi kepada Jawatankuasa apa-apa jua penjelasan bertulis yang berhubung dengan aduan itu; dan
- (b) membuat penyampaian secara kediri kepada Peguam Syarie yang berkenaan dan sekiranya penyampaian kediri tidak dapat dilakukan memadai dengan meninggalkan notis itu di alamat terakhir Peguam Syarie itu.

(3) Sekiranya Peguam Syarie berkenaan gagal memberikan apa-apa jua penjelasan bertulis yang munasabah atau gagal untuk memberikan apa-apa jua penjelasan setelah tamat tempoh masa empat belas hari, maka Jawatankuasa bolehlah mengadakan siasatan terhadap aduan itu.

(4) Apabila siasatan telah selesai, Jawatankuasa hendaklah menyediakan suatu laporan dan pendapatnya kepada Majlis; dan hendaklah juga membuat perakuannya sama ada Peguam Syarie berkenaan adalah bersalah atau tidak atas aduan itu.

(5) Jika Jawatankuasa membuat perakuan bahawa Peguam Syarie berkenaan didapati bersalah atas kesalahan yang diadukan itu, Jawatankuasa hendaklah juga membuat perakuan mengenai hukuman yang patut dikenakan ke atas Peguam Syarie tersebut.

(6) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa adalah berkuasa untuk mengawal selia prosedurnya sendiri berhubungan dengan perjalanan siasatannya ke atas apa-apa aduan.

Kuasa Majlis mengeluarkan perintah

18. (1) Majlis, apabila menerima laporan dan perakuan Jawatankuasa mengikut kaedah 17, hendaklah membuat mana-mana daripada perintah yang berikut sebagaimana difikirkan adil dan munasabah—

- (a) membuat perintah supaya nama Peguam Syarie berkenaan dibatalkan daripada Daftar Peguam Syarie dan Sijil Amalan Guaman Syarie Peguam Syarie itu juga dibatalkan; atau
- (b) membuat perintah menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh yang difikirkan adil dan munasabah; atau
- (c) memberi amaran kepada Peguam Syarie itu; atau
- (d) membuat apa-apa perintah yang lain yang difikirkan adil dan munasabah.

Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam Syarie

19. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, memohon kepada Majlis supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar Peguam Syarie.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dengan disokong oleh affidavit dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa.

(3) Sebaik sahaja menerima permohonan ini, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan perakuannya kepada Majlis.

Permohonan untuk diterima semula sebagai Peguam Syarie

20. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, atas perakuan Jawatankuasa, Majlis boleh jika difikirkan adil dan munasabah menerima semula seseorang itu, yang namanya telah dikeluarkan atau dibatalkan dari Daftar Peguam Syarie sebagai Peguam Syarie.

(2) Permohonan untuk diterima masuk semula sebagai Peguam Syarie hanya boleh dibuat setelah tamat tempoh dua belas bulan daripada tarikh namanya dikeluarkan atau dibatalkan daripada Daftar Peguam Syarie.

(3) Permohonan untuk diterima masuk semula sebagai Peguam Syarie hendaklah disokong dengan alasan-alasan atau sebab yang munasabah mengapa dia perlu diterima semula sebagai Peguam Syarie.

(4) Fi bagi setiap Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah kaedah ini ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00).

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie

21. Setiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

Kesalahan

22. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan dia telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah ini dan memiliki Sijil Amalan Guaman Syarie yang masih sah.

(2) Tiada seseorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika suatu perintah penggantungan ke atasnya di bawah kaedah 18(1)(b) masih berkuat kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan

23. Mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah kaedah 22(1) atau (2) hanya boleh didakwa setelah mendapat kebenaran bertulis Ketua Pendakwa Syarie.

Pembatalan

24. Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2011 [N.S.P.U. 9/2011] adalah dengan ini dibatalkan.

JADUAL 1

[Kaedah 10(1)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

Sila
Lekatkan
Gambar
Ukuran
Pasport

BORANG PERMOHONAN UNTUK DITERIMA MASUK SEBAGAI PEGUAM SYARIE

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam huruf besar)

1. Nama :
2. Lain-lain nama (jika ada) :
3. No. kad pengenalan :
4. Jantina :
5. Tarikh lahir :
6. Tempat lahir :
7. Taraf perkahwinan :
8. Kewarganegaraan :
9. Bangsa :
10. Agama :
11. Nama dan alamat firma :

(Sekiranya Pemohon seorang Peguambela dan Peguamcara)

12. No. faks :
13. Alamat surat-menyurat :
14. No. telefon : (a) (p)
(b) (h/p)
(c) (e-mail)
15. Alamat kediaman :
16. Kelayakan dan kelulusan :
17. Pengalaman :
18. Butiran lain (jika ada) :
19. Dokumen yang diperlukan—

- (i) perakuan berkelakuan baik dengan disokong oleh dua orang pengadil;
- (ii) akuan bersumpah tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;

- (iii) akuan bersumpah tidak pernah diisytiharkan bankrap atau didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33(6) (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
- (iv) salinan Sijil Amalan Guaman di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] (jika perlu);
- (v) salinan ijazah dan diploma;
- (vi) akuan telah tamat latihan dalam kamar selama enam bulan.

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah diakui benar.

Bertarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

PERINGATAN:

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil, testimonial, perakuan dan dokumen lain yang berkaitan yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.

No. Siri

JADUAL 2

[Kaedah 11(1)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

SIJIL PEGUAM SYARIE

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa.....

.....

No. Kad Pengenalan:..... No. Siri Daftar: telah diterima sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2012 pada hari bulan 20.... dan sah sehingga dibatalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

METERAI

Tarikh dikeluarkan M

H

.....
Pengerusi

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

No. Siri

JADUAL 3

[Kaedah 12(2)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

Dengan ini saya memperakui bahawa
No. Kad Pengenalanadalah dibenarkan
menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie dalam Mahkamah Syariah di seluruh Negeri
Sembilan berkuat kuasa dari hari bulan 20 hingga hari
bulan 20

Tarikh dikeluarkan M
H

.....
Ketua Pendaftar
Mahkamah Syariah Negeri Sembilan

JADUAL 4

[Kaedah 13(2)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) 2012

PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dengan huruf besar)

1. Nama :
2. No. kad pengenalan :
3. No. siri daftar :
4. No. Sijil Amalan Guaman Syarie :
5. Tarikh tamat sijil :

-
6. Nama dan alamat firma :
7. No. faks :
8. E-mel :
9. Alamat surat-menyurat :
10. No. telefon : (a) (p)
(b) (h/p)

Bertarikh :

.....
Tandatangan Pemohon

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA

Tarikh diterima :
Amaun fi :
No. resit :
Dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie pada :

[JKS.NS.84(01) 338/1 Klt. 2; PU/NS 4/2009]

Dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dalam mesyuaratnya pada 13 haribulan Disember 2010.

DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
Pengerusi
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 haribulan Julai 2011.

HAJI MOHAMED RODUAN BIN UJANG
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Sembilan

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and Commencement
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT OF *PEGUAM SYARIE* COMMITTEE

3. Establishment of the Committee
4. Membership of the Committee
5. Termination and resignation
6. Meetings of the Committee
7. Functions of the Committee
8. Allowance of the Committee

PART III

PEGUAM SYARIE

9. Qualification of *Peguam Syarie*
10. Application
11. *Peguam Syarie* Certificate
12. *Amalan Guaman Syarie* Certificate
13. Renewal of *Amalan Guaman Syarie* Certificate
14. Register of *Peguam Syarie*

PART IV

DISCIPLINARY PROCEDURES

Rule

15. Disciplinary action
16. Complaint against *Peguam Syarie*
17. Enquiry
18. Power of Majlis to issue order
19. Application to remove name from the Register of *Peguam Syarie*
20. Application to be readmitted as *Peguam Syarie*

PART V

GENERAL PROVISIONS

21. Production of *Amalan Guaman Syarie* Certificate
22. Offences
23. Prosecution
24. Revocation

SCHEDULE

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

IN exercising of the powers conferred by section 80(2) of the Administration of the Religion of Islam (Negeri Sembilan) Enactment 2003 [*Enactment No. 10 of 2003*], the Majlis with the approval of the Yang Di Pertuan Besar, makes the following Rules—

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These Rules may be cited as the *Pegulam Syarie (Negeri Sembilan) Rules 2012*.

(2) These Rules shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Register of *Pegulam Syarie*” means the Register of *Pegulam Syarie* referred to in rule 14;

“Committee” means the *Pegulam Syarie* Committee established under rule 3;

“Majlis” means the Majlis Agama Islam Negeri Sembilan established under section 4(1) of the Administration of the Religion of Islam (Negeri Sembilan) Enactment 2003;

“*Pegulam Syarie*” means a person who is admitted as a *Pegulam Syarie* by the Majlis and is registered under these Rules or under any written law enforced prior to the commencement of these Rules.

PART II

ESTABLISHMENT OF *PEGUAM SYARIE* COMMITTEE

Establishment of the Committee

3. The Majlis shall establish a Committee to be called “*Pegulam Syarie* Committee”.

Membership of the Committee

4. (1) The Committee shall consists of—
- (a) the Chief Syarie Judge, as Chairman;
 - (b) the State Legal Adviser or his representative;
 - (c) the Syariah Appeal Court Judge;
 - (d) the senior Syariah High Court Judge;
 - (e) the Syarie Chief Prosecutor;
 - (f) a *Pegum Syarie* as a representative of *Pegum-Pegum Syarie*; and
 - (g) a person who is learned in *Hukum Syarak*.
- (2) The Chief Registrar of the Syariah Appeal Court shall be the Secretary of the Committee.
- (3) The Committee members mentioned in subrule (1) shall be a muslim.
- (4) The Committee member mentioned in subrule (1)(f) shall be a *Pegum Syarie* who possess a valid *Pegum Syarie Certificate* and *Amalan Guaman Syarie Certificate*.
- (5) Subject to rule 5, the members of the Committee appointed under subrule (1)(f) and (g) shall hold office for a period of three years and are eligible to be reappointed.

Termination and resignation

5. (1) The appointment of the Committee members under rule 4(1)(f) and (g) may at any time be terminated by the Majlis without giving any reason therefor.
- (2) The Committee members under rule 4(1)(f) and (g) may resign at any time by serving a notice to the Majlis through the Chairman of the Committee.

Meetings of the Committee

6. (1) The Chairman of the Committee shall preside over meeting of the Committee and, if the Chairman is absent, the members present may elect anyone among themselves to preside over the meeting.
- (2) The Chairman and three other members of the Committee shall form a quorum at any meeting of the Committee.
- (3) Subject to these Rules and any directions by the Majlis, the Committee may determine its own procedure.

Functions of the Committee

7. (1) The Committee shall have the following functions—
- (a) to make a recommendation to the Majlis regarding the eligibility of any person applying to be admitted as a *Peguan Syarie*;
 - (b) to make a recommendation to the Majlis as to whether—
 - (i) to struck off the name of any *Peguan Syarie* from the Register of *Peguan Syarie*; or
 - (ii) to revoke suspend the *Amalan Guaman Syarie* Certificate of a *Peguan Syarie*; or
 - (iii) to give warning to any *Peguan Syarie*;
 - (c) to carry out other functions which are incidental to the functions mentioned in paragraphs (a) and (b).

Allowance of the Committee

8. There may paid to members of the Committee such special allowance as the Majlis may determine.

PART III

PEGUAM SYARIE

Qualification of *Peguan Syarie*

9. (1) Any person who fulfill the following requirements is eligible to be admitted as a *Peguan Syarie*—
- (a) is a Muslim;
 - (b) a Malaysian citizen;
 - (c) is of good character supported with a declaration by two referees;
 - (d) has not been convicted of any offences by any Syariah Court or Civil Court in Malaysia or outside Malaysia;
 - (e) has not been adjudicated bankrupt under the Bankruptcy Act 1967 [Act 360] or has not been found guilty of any of the acts or omission mentioned in section 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) or (l) of the Bankruptcy Act 1967 [Act 360];
 - (f) is not disbarred, disqualified or suspended in his capacity as an Advocate and Solicitor under the Legal Profession Act 1976 [Act 166];
 - (g) holds academic qualification—
 - (i) a Bachelor of Syariah Degree and Diploma in Administration of Islamic Judiciary or equivalent to it from any university or any higher educational institution recognized by the Government of Malaysia; or

- (ii) a Bachelor of Laws and the Bachelor of Laws (Syariah) Degree or equivalent to it from any university or any higher educational institution recognized by the Government of Malaysia; or
- (iii) if he is an Advocate and Solicitor registered under the Legal Profession Act 1976 [Act 166] shall hold Diploma in Administration of Islamic Judiciary or equivalent to it from any university or any higher educational institution recognized by the Government of Malaysia;

(h) has passed written examination or interview if necessary;

(2) Before an applicant is admitted as a *Pegum Syarie* under subrule (1) (g)(i), the applicant must complete the six months chambering in any *Syarie* legal firm.

(3) The training in chambers shall be supervised by a *Pegum Syarie* who is and has been in active practice in Malaysia for a total period of not less than five years immediately preceding the date of commencement of his training.

Application

10. (1) An application for admission as a *Pegum Syarie* shall be submitted to the Chairman of the Committee by using the form as prescribed in Schedule 1.

(2) Every application shall be enclosed with—

- (a) a declaration as to his good character supported by two referees;
- (b) a statutory declaration stating that he has not been convicted of any offences by any Syariah Court or Civil Court in Malaysia or outside Malaysia;
- (c) a statutory declaration stating that he has not been adjudicated bankrupt or has not been found guilty of any of the acts or omissions mentioned under section 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) or (l) of the Bankruptcy Act 1967 [Act 360];
- (d) where applicable, a copy of the Practising Certificate under the Legal Profession Act 1976 [Act 166];
- (e) a copy of the degree and diploma; and
- (f) a certificate stating that he has served his six months chambering.

***Pegum Syarie* Certificate**

11. (1) Every person who has been admitted as a *Pegum Syarie* shall have in his possession a *Pegum Syarie* Certificate issued by the Majlis upon payment of a prescribed fee.

(2) The fee for every *Pegum Syarie* Certificate is Ringgit Malaysia Five Hundred (RM500.00).

Amalan Guaman Syarie Certificate

12. (1) Any *Peguam Syarie* that has been admitted shall hold an *Amalan Guaman Syarie Certificate* issued by the Chief Registrar of the Syariah Appeal Court before he appears as *Peguam Syarie* at the Syariah Court.

(2) The *Amalan Guaman Syarie Certificate* shall be issued by the Chief Registrar of the Syariah Appeal Court in the form as prescribed in Schedule 3 on payment of a fee of Ringgit Malaysia One Hundred (RM100.00).

(3) The valid period for every *Amalan Guaman Syarie Certificate* is twelve months.

Renewal of Amalan Guaman Syarie Certificate

13. (1) Every application for renewal of *Amalan Guaman Syarie Certificate* shall be made to the Chief Registrar of the Syariah Appeal Court not later than three months before the expiry of the certificate.

(2) The application shall be made in the form as prescribed in Schedule 4.

(3) The fee for renewal of every *Amalan Guaman Syarie Certificate* is Ringgit Malaysia One Hundred (RM100.00).

Register of Peguam Syarie

14. (1) The Secretary of the Committee shall maintain a record of the registration of all *Peguam Syarie*, which shall be known as “the Register of *Peguam Syarie*”.

(2) The Register of *Peguam Syarie* shall contain the following particulars—

- (a) name;
- (b) identity card no.;
- (c) qualification;
- (d) name under which he proposes to carry out his practice or the name of the firm;
- (e) correspondence address;
- (f) date of admission as a *Peguam Syarie*;
- (g) the valid period of the *Amalan Guaman Syarie Certificate*;
- (h) the revocation date from the register (if any);
- (i) particulars regarding any disciplinary action (if any) taken against the *Peguam Syarie*; and
- (j) such other particulars as the Majlis or the Committee may from time to time direct.

PART IV

DISCIPLINARY PROCEDURES

Disciplinary action

15. (1) The Committee may, on due cause be shown, commence disciplinary action against any *Peguam Syarie* in accordance with the provisions of this Part.

(2) Amongst the reasons for commencing disciplinary action against any *Peguam Syarie* are as follows—

- (a) has conducted himself in such manner which is inconsistent with the *Hukum Syarak*;
- (b) has made any public statement whether orally or in writing which may reasonably be construed as to bring into contempt the religion of Islam or the Majlis;
- (c) has been convicted by any Syariah Court or Civil Court in Malaysia or any other country with regard to any criminal offence under any written law;
- (d) has willfully or without any reasonable reason refused to carry out his duties for his clients;
- (e) has breach his duty to the Court including any failure by him to comply with his undertaking given to the Court;
- (f) contempt of Court;
- (g) is dishonest or has conducted himself fraudulently in the discharge of his duties;
- (h) has accepted employment in any legal business through a tout;
- (i) allows any person who is not a *Peguam Syarie* to undertake or carry on legal business in his name or firm;
- (j) carries on by himself or through any person in his employment any trade, business or career which is in the opinion of the Committee is incompatible with his position as a *Peguam Syarie*;
- (k) has been found guilty by the Disciplinary Board established under section 93(1) of the Legal Profession Act 1976 [Act 166];
- (l) has been declared a bankrupt and has not been discharged; or
- (m) has contravened or failed to comply with any of the provision of these Rules or any other written law, if in the opinion of the Committee such contravention or failure warrants disciplinary action.

Complaints against *Peguam Syarie*

16. Any complaint as the conduct of a *Peguam Syarie* in his professional capacity shall be made in writing to the Chairman of the Committee.

Enquiry

17. (1) Upon receiving a complaint, the Chairman of the Committee shall cause the Committee to hold an enquiry.

(2) Every enquiry held by the Committee shall be carried out in such manner and to such extent as it thinks just and reasonable provided before an enquiry should be made it shall—

- (a) request from the *Peguam Syarie* concerned within a period not being less than fourteen days to give to the Committee any written explanation regarding the complaint against him; and
- (b) serve personally to the *Peguam Syarie* concerned and if the personal service cannot be made, it is sufficient to leave the notice at his last address;

(3) If the *Peguam Syarie* concerned fails to give a reasonable written explanation or fails to give any explanation after the fourteen days elapsed, thus the Committee may commence an enquiry with regard to the complaint.

(4) When the enquiry has been completed, the Committee shall furnish to the Majlis a report and its findings; and shall make recommendation as to whether the *Peguam Syarie* concerned is guilty or not guilty of the matter complained of.

(5) If the Committee makes a recommendation that the *Peguam Syarie* concerned is guilty of the matter complained of, the Committee shall also make recommendation as to the appropriate sentence that should be made against the *Peguam Syarie* concerned.

(6) Subject to these Rules, the Committee may regulate its own procedure with respect to the carrying out of its enquiry on any complaint.

Power of Majlis to issue order

18. (1) The Majlis, upon receiving a report and recommendation of the Committee pursuant to rule 17, shall make any of the following order as it considers just and reasonable—

- (a) order that the name of the *Peguam Syarie* concerned be struck off the Register of *Peguam Syarie* and his *Amalan Guaman Syarie* Certificate to be revoked; or
- (b) order that the *Peguam Syarie* concerned be suspended from practice for such period considers just and reasonable; or
- (c) give the *Peguam Syarie* concerned a warning; or
- (d) make such other order considers just and reasonable.

Application to remove name from the Register of *Peguam Syarie*

19. (1) A *Peguam Syarie* may, subject to these Rules, apply to have his name remove from the Register of *Peguam Syarie*.

(2) Every such application shall be made in writing and supported with an affidavit and submitted to the Chairman of the Committee.

(3) After receiving such application, the Committee shall thereafter submit its recommendation to the Majlis.

Application to be readmitted as *Peguam Syarie*

20. (1) Subject to these Rules, on the recommendation of the Committee, the Majlis may, if it considers just and reasonable, readmitted any person, whose name has been removed or struck off from the Register of *Peguam Syarie*, as a *Peguam Syarie*.

(2) An application to be readmitted as *Peguam Syarie* shall only be made after the expiration period of twelve months from the date of his name has been removed or struck off from the register of *Peguam Syarie*.

(3) The application to be readmitted as *Peguam Syarie* shall be supported with reasons as to why he must be readmitted as *Peguam Syarie*.

(4) The fee for every *Peguam Syarie* Certificate issued under this rule is Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000.00).

PART V

GENERAL PROVISIONS

Production of *Amalan Guaman Syarie* Certificate

21. Every *Peguam Syarie* shall produce his *Amalan Guaman Syarie* Certificate if so required by any Syariah Court.

Offences

22. (1) No person shall carry out any practice as a *Peguam Syarie* or do any act as a *Peguam Syarie* unless he has been admitted as a *Peguam Syarie* under these Rules, and possess a valid *Amalan Guaman Syarie* Certificate.

(2) No person shall carry out any practice as a *Peguam Syarie* or do any act as a *Peguam Syarie* if an order of suspension against him made under rule 18(1)(b) is still in force.

(3) Any person who contravenes subrule (1) or (2) shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding Ringgit Malaysia Five Thousand (RM5,000.00) or imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Prosecution

23. No prosecution for offences under rules 22(1) or (2) shall be instituted without a written sanction from the Chief *Syarie* Prosecutor.

Revocation

24. The *Peguam Syarie* (Negeri Sembilan) Rules 2011 [*N.S.P.U. 9/2011*] is hereby revoked.

SCHEDULE 1

[Rule 10(1)]

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

Please
Affix
Passport
Size Photo

APPLICATION FOR ADMISSION AS A *PEGUAM SYARIE*

(To be completed by the Applicant in capital letters)

- 1. Name :
- 2. Other names (if any) :
- 3. Identity card no. :
- 4. Sex :
- 5. Date of birth :
- 6. Place of birth :
- 7. Marital status :
- 8. Nationality :
- 9. Race :
- 10. Religion :
- 11. Name and address of firm :

(if Applicant is an Advocates and Solicitor)

- 12. Fax no. :
- 13. Correspondence address :
- 14. Telephone no. : (a) (o)
(b) (hp)
(c) (e-mail)

15. Address of residence :
16. Qualification and eligibility :
17. Experience :
18. Other particulars (if any) :
19. The required documents—
- (i) a declaration as to his good character supported by two referees;
 - (ii) a statutory declaration stating that he has not been convicted of any offences by any Syariah Court or Civil Court in Malaysia or outside Malaysia;
 - (iii) a statutory declaration stating that he has not been adjudicated bankrupt or has not been found guilty of any of the acts or omissions mentioned under section 33(6) (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) or (l) of the Bankruptcy Act 1967 [Act 360];
 - (iv) a copy of the Practicing Certificate under the Legal Profession Act 1976 [Act 166];
 - (v) a copy of the degree and diploma; and
 - (vi) a certificate stating that he has served his six months chambering.

I hereby declare that all information given above are true.

Dated:

.....
Signature of Applicant

REMINDER:

The Applicant shall submit certified true copies of certificates, testimonial, recommendation and other relevant documents to support his application.

Serial No.

SCHEDULE 2

[Rule 11(1)]

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003**

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

PEGUAM SYARIE CERTIFICATE

WHEREAS it is hereby certified that.....

Identity Card No.: Serial Register No.:
..... has been admitted as a *Pegum Syarie* under the *Pegum Syarie*
(Negeri Sembilan) Rules 2012 on day of
20 and valid until revoked by the Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

SEAL

Date of issue M
H

.....
Chairman
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Serial No.

SCHEDULE 3

[Rule 12(2)]

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

AMALAN GUAMAN SYARIE CERTIFICATE

I hereby certified that
Identity Card No is at liberty
to practice as *Pegulam Syarie* in the Syariah Court of Negeri Sembilan with effect from
the day of 20 to day of 20

Date of issued M
H

.....
Chief Registrar
Syariah Court of Negeri Sembilan

SCHEDULE 4

[Rule 13(2)]

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) ENACTMENT 2003

PEGUAM SYARIE (NEGERI SEMBILAN) RULES 2012

APPLICATION TO RENEW AMALAN GUAMAN SYARIE CERTIFICATE

(To be filled by the Applicant in capital letters)

- 1. Name :
- 2. Identity card no. :
- 3. Serial register no. :
- 4. *Amalan Guaman Syarie* Certificate no. :

